

**TANGGUNGJAWAB KEPEMIMPINAN POLITIK MELAYU
BERCIRIKAN RABBANI DI TERENGGANU**

NIK ANIS SUHAILAH BINTI NIK MOHD

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Sains di
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
Universiti Malaysia Terengganu**

2018

DEDIKASI

Dedikasi kepada keluarga tercinta, ayahanda Nik Mohd Nik Ismail, bonda Zaida Tawang; suami Zaidi Dagang; anak-anak semua Muhammad Zharfan, Marha Zulaikha dan Muhammad Zahin yang banyak bersabar, memahami, memberi dorongan dan sentiasa mendoakan.

Jazakumullahukhairan

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana

TANGGUNGJAWAB KEPEMIMPINAN POLITIK MELAYU BERCIRIKAN RABBANI DI TERENGGANU

NIK ANIS SUHAILAH BINTI NIK MOHD

2018

Penyelia Utama : Hailan Bin Salamun, PhD

**Penyelia Bersama : Hamdan Bin Aziz, Ph.D
Profesor Fadzli Bin Adam, PhD**

Pusat Pengajian : Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Kepemimpinan politik Islam yang sempurna bermula pada zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW telah meninggalkan garis panduan yang lengkap dan terbaik untuk membentuk pemimpin yang patuh kepada perintah Allah SWT. Garis panduan ini telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pemimpin politik Islam seharusnya meletakkan Rasulullah SAW sebagai role model dalam menjalankan kepemimpinan agar dapat menjadi seorang pemimpin yang memiliki ciri-ciri rabbani. Kajian ini bertujuan untuk melihat aktiviti kepemimpinan bercirikan rabbani dalam kalangan pemimpin politik Melayu. Kepemimpinan politik rabbani dalam konteks kajian ini merujuk kepada perkongsian tanggungjawab dan pertanggungjawaban pemimpin kepada pengikut ke arah keredaan Allah SWT dalam menjalankan tugas berdasarkan kepada lima aktiviti utama iaitu pembinaan ihsan, pengupayaan kepimpinan, keakraban masyarakat, budaya ilmu dan pengurusan pembangunan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif manakala pendekatan kualitatif digunakan sebagai sokongan perbincangan. Data kuantitatif diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik kepada 384 orang responden di Terengganu yang terdiri daripada ahli parti UMNO dan PAS manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual ke atas lapan orang peserta kajian melibatkan pemimpin tertinggi parti politik UMNO dan PAS. Data kajian di analisis menggunakan perisian SPSS 20. Item statistik yang digunakan untuk analisis data kuantitatif termasuk min, ujian-t dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan

pemimpin politik mengamalkan aktiviti kepemimpinan bercirikan rabbani pada tahap tinggi manakala tahap aktiviti kepemimpinan rabbani pemimpin UMNO dan PAS pula menunjukkan bahawa terdapat tiga aktiviti yang berbeza antara kedua-dua parti iaitu dari aspek pembinaan ihsan, pengupayaan kepimpinan dan budaya ilmu.

ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of University Malaysia Terengganu in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

THE RABBANI-ORIENTED POLITICAL LEADERSHIP RESPONSIBILITY AMONG MALAY LEADERS IN TERENGGANU

NIK ANIS SUHAILAH BINTI NIK MOHD

2018

Main Supervisor : Hailan Bin Salamun, PhD

**Co-Supervisor : Hamdan Bin Aziz, PhD
Professor Fadzli Bin Adam, PhD**

School : Centre for Fundamental and Liberal Education

The ideal Islamic political leadership came forth in the time of Rasulullah SAW. Rasulullah SAW has left the best and comprehensive guidebook for the mankind, to be a leader in fulfilling the command of Allah SWT. These guidelines are stipulated in the Quran and al-Sunnah. The Muslim political leaders should set Rasulullah SAW as the role model in putting leadership into practice, so that they can lead with Rabbani-oriented characteristics. This study aims to look at the Rabbani-oriented leadership activities among Malay political leaders. In the context of this study, the Rabbani-oriented political leadership refers to the sharing of responsibility and accountability between leaders and followers to seek blessings of Allah SWT in carrying out their duties according to the five main aspects, namely integrity development, leadership empowerment, community affiliation, culture of knowledge and community development management. This study uses quantitative approaches while qualitative approaches are utilized to support the discussion. Quantitative data were obtained by distributing the questionnaires to 384 respondents in Terengganu, they are the top leaders in UMNO and PAS political parties. Meanwhile, qualitative data were obtained via interviews with eight participants, which involved UMNO and PAS top leaders. The data were analyzed using SPSS 20 software. The statistical items used for the quantitative data analysis involves mean, t-test and correlation test. The findings show that the political leaders practice a high degree of Rabbani-oriented leadership. Meanwhile, there are three differences

in terms of Rabbani-oriented leadership activities between UMNO and PAS leaders, which involve integrity development, leadership empowerment and culture of knowledge.